

01 NOV 2003

SBS AUSTRALIA NAFI SEBARANG KOMPLOT ANTI-ANWAR

MELBOURNE, 1 Nov (Bernama) -- Stesen TV SBS yang menyiarkan program "Dateline" hari ini menafikan wujudnya konspirasi untuk menjejaskan reputasi bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam kenyataannya, SBS berkata dakwaan kononnya pemberita "Dateline" Ginny Stein dan penyelidik program tersebut telah menemui "wakil media pro-kerajaan" dan wakil "kerajaan atau kabinet" bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk "berkomplot" adalah tidak benar sama sekali.

Penerbit eksekutif "Dateline" Mike Carey berkata laporan yang dibuat melalui program itu adalah berdasarkan kepada bahan-bahan yang sememangnya menjadi pengetahuan umum.

Program "Dateline" pada 22 Okt lepas, melaporkan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa di Washington, yang pernah dianggotai oleh Anwar sebagai seorang daripada tiga pengarahnya, telah memberi US\$18,000 (RM68,400) kepada anak perempuan Anwar, Nurul Izzah pada 2000 dan kemudian US\$54,000 (RM205,200) pada 2001.

Nurul Izzah kini dalam tahun akhir pengajian di sebuah universiti di Malaysia.

Carey berkata tuduhan bahawa SBS Dateline dibayar "untuk menerbitkan laporan itu oleh pihak yang mempunyai hubungan dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) adalah pembohongan besar".

"Dateline adalah program televisyen utama Australia khusus untuk menyiarkan berita hal ehwal antarabangsa terkini...ia telah memenangi banyak anugerah Walkley iaitu anugerah prestij bidang kewartawanan di Australia," katanya.

-- BERNAMA

NDC AZZ DC MOZ